

20 JUN 1997

Samy-pemilihan

MIC TOLAK RAYUAN S.S.SUBRAMANIAM

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC hari ini menolak rayuan bekas naib presiden parti Datuk S.S.Subramaniam supaya diisytiharkan pemilihan bahagian MIC Petaling Jaya Selatan sebagai terbatal dan tidak sah.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata 14 lagi rayuan bagi membatalkan pemilihan di bahagian-bahagian lain kerana penyelewengan turut ditolak.

Katanya CWC bagaimanapun bersetuju membatalkan keputusan pemilihan bahagian Batu dan Segambut.

"Pemilihan semula akan diadakan untuk kedua-dua bahagian itu," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat CWC di ibu pejabat MIC di sini.

Katanya tarikh pemilihan semula itu akan diputuskan kemudian.

Mengenai rayuan Subramaniam, Samy Vellu berkata CWC mendapati tidak ada asas dakwaan dua cawangan di bahagian Petaling Jaya Selatan yang menyertai pemilihan itu telah tidak mengadakan pemilihan cawangan masing-masing.

Subramaniam mempertikaikan keputusan pemilihan bahagian dan mahukan keputusan itu dibatalkan.

Pada pemilihan itu, Subramaniam gagal mempertahankan jawatan ketua bahagian selepas tewas kepada kerani Hospital Universiti K.Balakrishnan.

Mengenai pembatalan pemilihan bahagian Segambut, Samy Vellu berkata pemilihan semula hanya akan diadakan selepas perhimpunan agung parti pada 2-3 Ogos.

Keputusan pemilihan bahagian Segambut dipertikaikan apabila pencalonan sembilan anggota untuk menjadi wakil termasuk pencalonan timbalan ketua MIC Wilayah Persekutuan Dr M.Thambirajah dibatalkan.

Perwakilan ke perhimpunan agung dipilih pada pemilihan bahagian.

Samy Vellu juga mengumumkan bahawa pencalonan bagi jawatan presiden, timbalan presiden, naib presiden (tiga jawatan) dan 25 anggota CWC akan berlangsung pada 19 Julai.

Katanya jawatankuasa pemilihan lima anggota yang diketuai Tan Sri N.S.Maniam telah dibentuk untuk mengendalikan pemilihan parti yang akan berlangsung sempena perhimpunan agung parti.

Perhimpunan agung itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

ES AHH